

Aplikasi Kaedah *Sadd Al-Dhara'i* dalam Mengelakkan Persetubuhan Luar Nikah: Analisis terhadap Peruntukan Undang-Undang Jenayah Syariah di Malaysia dan Brunei

The Application of *Sadd Al-Dhara'i* in Curbing Illegal Sexual Intercourse: Analysis on Syariah
Criminal Law Provisions in Malaysia and Brunei

AZIZAH MAT RASHID
NOR 'ADHA ABD HAMID
AHMAD AZAM MOHD SHARIFF
ADIBAH BAHORI
MASNOORAINI MOHIDDIN

ABSTRAK

*Sadd al-dhara'i bermaksud menyekat sesuatu yang boleh menyumbang kepada berlakunya sebarang kerosakan seperti mencegah perlakuan khalwat bagi mengelakkan perlakuan perzinaan. Adalah penting untuk mengaplikasikan kaedah tersebut apabila melaksanakan Undang-undang Jenayah Syariah. Kajian ini berfokuskan kepada pelaksanaan peruntukan undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia dan Brunei. Ianya dilakukan bagi memenuhi tiga objektif kajian. Pertama, ianya menganalisis peruntukan undang-undang yang bertujuan mengekang masalah persetubuhan luar nikah berdasarkan kaedah *Sadd al-dhara'i*. Kedua, ianya mengenal pasti permasalahan berkaitan pelaksanaan peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah. Ketiga, ianya mencadangkan saranan kepada permasalahan yang dikenal pasti. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif di mana data-data diperolehi secara kajian perpustakaan dan temu bual separa struktur bersama beberapa orang pelaksana undang-undang. Data-data yang diperolehi dianalisis secara kritis dan induktif bagi mencapai dapatan. Kajian mendapat terdapat beberapa peruntukan kesalahan yang boleh dimanfaatkan untuk mencegah kesalahan persetubuhan luar nikah dalam konteks peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia. Walau bagaimanapun, pemakaian peruntukan tersebut kurang menyeluruh kerana hanya tertumpu kepada beberapa peruntukan kesalahan lazim seperti khalwat, melakukan persetubuhan haram dan berkelakuan tidak sopan di tempat awam. Adalah dicadangkan agar penguatkuasaan menyeluruh termasuk peruntukan yang jarang dikuatkuasakan, perlu dilakukan. Dalam masa sama, beberapa pindaan perlu dilakukan ke atas peruntukan undang-undang berkaitan bagi tujuan penambahbaikan dan penyeragaman. Sementara itu, kajian turut mengenal pasti persamaan senario di Brunei dan Malaysia berkaitan statistik kesalahan khalwat yang sentiasa meningkat. Di Brunei contohnya, kebanyakannya aduan yang dilaporkan tidak sampai ke peringkat pendakwaan disebabkan pelbagai isu dan halangan berkaitan penguatkuasaan dan pendakwaan. Hal ini timbul kerana tiada garis pandu yang standard yang mengawal selia kedua-dua aspek. Adalah disarankan agar beberapa peruntukan penguatkuasaan, pendakwaan dan pentadbiran diperkasakan. Beberapa pelan tindakan turut perlu dilaksanakan demi memastikan pelaksanaan yang lancar dan berkesan.*

Kata kunci: *Sadd al-dhara'i; undang-undang jenayah syariah; persetubuhan luar nikah; mafsadah; khalwat*

ABSTRACT

*Sadd al-dhara'i denotes preventing something that is contributory to the occurrence of any destruction such as preventing khalwat to avoid fornication. It is important to apply the said principle when implementing syariah criminal law. This research focuses on the implementation of syariah criminal law in Malaysia and Brunei. It is aimed at fulfilling three objectives. Firstly, it analyses legal provisions that aim at curbing illegal sexual intercourse based on *sadd al-dhara'i*. Secondly, it identifies problems relating to legal application. Thirdly, it suggests solutions to the identified problems. This research applies qualitative method whereby the data collected through library research and semi structured interviews involving law enforcement officer. The data collected was critically and inductively analyse to reach the findings. The research finds that there are some provisions that could be used to prevent illegal sexual intercourse in the context of the Malaysian syariah criminal law. However, the provisions are not fully enforced as the enforcement focuses only on certain provisions such as khalwat, illegal sexual intercourse and public indecency. Thus,*

it is suggested that a thorough enforcement, including some rarely enforced provisions, need to be implemented. At the same time, some amendments must be made on related provisions for improvements and uniformity purposes. Meanwhile the research also identifies similar scenarios in Brunei and Malaysia on the increasing statistics on Khalwat cases. In Brunei, for instance, most lodged reports do not reach prosecution stage due to several issues and obstacles in enforcement and prosecution. This is due to absence of specific guidelines on both aspects. It is suggested that some enforcement, prosecution and administration provisions are improved on. Specific action plans must be implemented in ensuring efficient and effective implementation.

Keywords: *Sadd al-dhara^ci; syariah criminal law; illegal sexual intercourse; maf sadah; khalwat*

PENGENALAN

Islam merupakan agama yang sangat indah, lengkap dengan segala peraturan hidup bagi mengatur sebuah kehidupan bermasyarakat yang harmoni, adil dan sejahtera. Kehidupan yang berpaksikan kepada pensyariatan Islam menjanjikan kelestarian kesejahteraan dan keharmonian hidup selari dengan keperluan memelihara maqasid syariah. Syariat Islam telah meletakkan kewajipan ke atas setiap individu Muslim, masyarakat dan para pemerintah untuk melaksanakan amar makruf dan nahi mungkar sebagai *Sadd al-dhara^ci* atau menutup pintu kepada jalan yang membawa kepada perlakuan tidak bermoral demi kemaslahatan umum (Syed Salim & Hasnizam 2017).

Berpaksikan kepada kaedah dan prinsip di atas, maka kebebasan yang diberikan menurut syariat Islam perlulah dikawal berdasarkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah (Syed Salim & Hasnizam 2017). Kajian ini mendapati wujud beberapa peruntukan undang-undang dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah yang boleh dikuatkuasakan sebagai langkah pencegahan kepada berlakunya persetubuhan luar nikah.

KENYATAAN MASALAH

Masalah pembuangan bayi di Negara ini dilaporkan semakin serius dan antara punca kepada permasalahan tersebut adalah kehamilan luar nikah (Berita Harian 2019). Hal ini secara tidak langsung membuktikan perbuatan tidak bermoral seperti persetubuhan luar nikah juga semakin membimbangkan dan perlu ditangani dengan lebih serius kerana ia mempunyai kaitan secara langsung yang berpunca daripada persetubuhan luar nikah. Persoalannya apakah perkara-perkara yang mendorong kepada perzinaan dan berdasarkan prinsip *Sadd al-dhara^ci* yang menekankan kaedah menutup ruang yang membawa kepada kerosakan, apakah peruntukan-peruntukan yang boleh digunakan? Justeru, kajian ini membincangkan prinsip pencegahan persetubuhan luar nikah melalui

kaedah *Sadd al-dhara^ci* serta analisis aplikasinya dalam peruntukan undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia dan Brunei.

Kajian ini penting untuk memberi kesedaran bahawa menangani masalah atau kerosakan akhlak yang serius dalam masyarakat perlu dilakukan secara holistik dan dimulakan di peringkat permulaan dengan menyekat segala ruang yang boleh memberi laluan kepada tercetusnya permasalahan atau kerosakan tersebut sehingga ke peringkat pelaksanaan hukuman bagi kesalahan yang telah disabitkan. Pelaksanaan hukuman yang berkesan penting bagi memberi pengajaran dan memulihkan kerosakan jiwa agar dapat membina kehidupan baharu yang lebih baik. Sebagai contoh, kajian Khairul Hamimah dan Nurul Husna (2019), pelaksanaan proses pemulihan di Pusat Pemulihan Baitul Ehsan, Selangor memberi penekanan kepada aspek aqidah, ibadah dan akhlak dalam modul pelaksanaan pemulihan. Ketiga-tiga aspek ini mempunyai kekuatan tersendiri dalam memastikan remaja menjauhi perbuatan tidak baik.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kerangka kajian perundungan tulen berbentuk kualitatif di mana data dikumpul melalui metod kajian kepustakaan dengan menganalisis dokumen-dokumen perundungan seperti Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri, artikel, jurnal, buku-buku, laporan akhbar dan sumber-sumber rujukan umum yang signifikan. Selain itu, data-data sokongan dan tambahan yang diperolehi melalui temu bual separa struktur bersama beberapa orang informan dari pelaksana undang-undang turut dianalisis secara kritis bagi mencapai satu dapatan yang konkrit.

DEFINISI SADD AL-DHARA^CI MENURUT PANDANGAN ULAMA FIQH

Sadd al-dhara^ci merupakan suatu dasar yang penting dalam pengambilan hukum fiqh di kalangan

al-Malikiyyah. (Al-Syatibi t.t.) Ini memandangkan al-Malikiyyah adalah mazhab yang berpegang kepada ijtihamiyah yang berdasarkan kemaslahatan manusia secara meluas. Justeru, sebahagian ulama berpendapat bahawa *sadd al-dhara'i* merupakan salah satu ciri terpenting mazhab Imam Dar al-Hijrah (Imam Malik). (Muhammad Abu Zahrah 1996)

Pelbagai definisi yang dikemukakan oleh ulama dalam mentakrifkan *sadd al-dhara'i*. Menurut al-Qurtubi, *sadd al-dhara'i* ialah perkara yang pada asalnya tidak ditegah melakukannya, namun sekiranya ia mengandungi unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan, maka ia ditegah dari melakukannya (al-Qurtubi, Muhammad Ibn Ahmad 1935). Al-Syatibi pula berpendapat bahawa *sadd al-dhara'i* ialah mengguna jalan maslahah (kebaikan) sebagai cara untuk menghalang mafsadah (kerosakan). (Ibrahim ibn Musa al-Syatibi t.t.) Selain itu, menurut Muhammad Hisyam al-Burhani, *sadd al-dhara'i* ialah suatu perkara yang tidak ditegah pada asalnya, tetapi ia ditegah jika terdapat tohmah (unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan dan keburukan).

Dalam pada itu, al-Qarrafi pernah menegaskan bahawa *sadd al-dhara'i* ialah langkah pencegahan yang wajib dilakukan terhadap *al-dhara'i* yang mendorong ke arah kerosakan. Keadaan ini berbeza sekiranya *al-dhara'i* mendorong ke arah kebaikan kerana ia dinamakan sebagai *fath al-Dhara'i* yang wajib diberi peluang (Ahmad bin Idris al-Qarrafi 1997).

Berdasarkan perundangan Islam terdapat dua aspek *al-dhara'i* yang dibenarkan, iaitu *fath al-dhara'i* dan *sadd al-dhara'i*. *Fath al-dhara'i* bermaksud melaksanakan beberapa cara yang boleh mencapai kebaikan sepertimana pandangan al-Qarafi (Ahmad bin Idris al-Qarrafi 1997) di atas. Manakala *sadd al-dhara'i* pula bermaksud mencegah daripada melakukan sebarang cara yang mempunyai unsur-unsur yang boleh membawa kepada kerosakan ataupun mafsadah.

LARANGAN ZINA DAN IMPLIKASI

Perbuatan zina telah menyumbang kepada kelahiran anak tak sah taraf, pembuangan bayi dan masalah-masalah yang lain. Oleh kerana itu, usaha-usaha untuk menangani masalah ini perlu diberi perhatian serius sama ada diperingkat undang-undang dan kempen pencegahan dalam kalangan masyarakat di Malaysia.

Zina atau persetubuhan haram merupakan satu perbuatan yang amat dikeji oleh agama. Ia merujuk kepada persetubuhan yang dilakukan oleh seorang lelaki dan seorang perempuan tanpa nikah yang sah mengikut Hukum Syarak. (Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995) Islam amat menggalakkan lelaki dan wanita agar berkahwin bagi mengelak perlakuan sebegini. Menerusi perkahwinan juga akan lahir zuriat yang sah, manakala perbuatan zina pula mengakibatkan lahir anak zina atau lahir anak di luar nikah dan menimbulkan pelbagai implikasi perundangan dari segi hak dan kedudukan sebagai anak tak sah taraf menurut undang-undang negara.

Dari perspektif Islam, perbuatan sumbang di luar nikah telah menyebabkan keruntuhan institusi kekeluargaan dan kekacauan dalam keturunan. Malah, perbuatan tersebut boleh menyebabkan tersebarnya penyakit berjangkit akibat perlakuan tidak bermoral dan aktiviti perzinaan tersebut (Fathi Yakan 1975).

Melihat kepada keburukan dan implikasi zina, maka setiap pelaku zina tanpa mengira status jantina tidak dikecualikan dalam penentuan hukum Islam yang mensabitkan pesalah kepada hukuman hudud. Terdapat dua jenis hukuman yang telah disepakati ulamak mengikut kategori pesalah iaitu kategori pertama; penzina yang pernah berkahwin akan dikenakan hukuman rejam sampai mati. Manakala kategori kedua pula, penzina yang belum pernah berkahwin dikenakan hukuman seratus kali sebatan dan buang daerah selama setahun.

Realitinya di Malaysia, perbuatan sumbang di luar nikah atau aktiviti perzinaan di kalangan masyarakat sering dikaitkan dengan beberapa implikasi antaranya risiko terhadap kesihatan. Nasih ‘Ulwan menyenaraikan kehamilan luar nikah yang berpunca daripada aktiviti perzinaan memberikan kesan buruk terhadap kesihatan jasmani. Antaranya ketagihan seks, penurunan berat badan, melemahkan penglihatan dan ingatan, merosakkan sistem penghadaman dan paru-paru, mengganggu perjalanan darah, menyumbang kepada kelemahan tenaga seksual dan lemah syahwat sehingga menjelaskan hubungan intim suami isteri apabila berumah tangga kelak. Tidak kurang juga, zina boleh mengakibatkan gangguan jiwa, melemahkan daya ingatan, gangguan emosi, sikap gemar bersendiri dalam keadaan serba salah, sentiasa kelihatan berduka-cita dan banyak lagi (Nasih ‘Ulwan 1976).

Selain itu, perbuatan zina turut memberi implikasi yang perlu dihadapi oleh individu seperti

penyisihan sosial. Penyisihan sosial berlaku apabila masyarakat meletakkan satu stigma terhadap kelompok remaja yang hamil akibat perbuatan zina. Ianya bertentangan dan menyalahi norma dan adat kebiasaan masyarakat. Perkara ini akan lebih ketara apabila sesebuah masyarakat itu sangat mementingkan adat dan berpegang dengan nilai-nilai agama serta moral yang melarang keras aktiviti penyaluran seks di luar nikah.

Realitinya penyisihan sosial bukan sahaja dihadapi oleh individu atau remaja di Malaysia bahkan kajian menunjukkan kes kehamilan luar nikah sebagai suatu isu yang berkait rapat dengan tindakan penyisihan sosial seperti yang berlaku di Nigeria (Priscilla Ndidi Asonye 2014), dan India (Shveta Kalyanwala et al. 2010). Akibat dari penyisihan sosial, remaja akan berhadapan dengan pelbagai kesukaran hidup dari pelbagai aspek yang boleh menjelaskan masa hadapan mereka. Antaranya; sukar mendapat pekerjaan, tidak berpeluang melanjutkan pekerjaan. Ringkasnya penyisihan sosial yang berlaku bukan sahaja memberikan kesan jangka pendek bahkan juga jangka panjang.

Jelas, perbuatan zina merupakan jenayah yang akan mendatangkan mudarat yang lebih besar sekiranya tidak dicegah seperti tersebarnya penyakit berjangkit, kehamilan dan kelahiran bayi di luar nikah dan seterusnya berlaku masalah pembuangan bayi. Melihat kepada implikasi sebegini, perlakuan zina dan apa yang mendorong kepadanya perlu dicegah dan dibanteras agar ia tidak terus membarah menjadi perosak kepada kesucian nasab dan keturunan. Justeru, pelaksanaan peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah penting untuk dikuatkuasakan dalam usaha mencegah perlakuan zina atau persetubuhan haram demi maslahah dan kepentingan ummah.

BIDANGKUASA PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA

Bidang kuasa peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia diletakkan di bawah pentadbiran negeri-negeri mengikut pembahagian kuasa yang diperuntukkan melalui Jadual Kesembilan, Senarai II Perlengkapan Persekutuan. Berdasarkan had hukuman jenayah syariah sedia ada, kesalahan yang diperuntukkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah hanya boleh dikenakan hukuman berbentuk

takzir yang tertakluk kepada had hukuman penjara tidak melebihi tiga tahun, denda tidak melebihi RM 5000.00 dan sebatan tidak melebihi enam kali. Menurut Jasri Jamal (2014), kewujudan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di bawah bidang kuasa negeri-negeri tersendiri menyebabkan wujud ketidakseragaman peruntukan undang-undang dan perbezaan tersebut dapat dilihat dari aspek jenis kesalahan dan hukuman yang diperuntukkan.

Secara umumnya, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia mempunyai peruntukan kesalahan merangkumi kesalahan berkaitan aqidah, kesucian agama Islam dan institusinya, moral atau kesusilaan dan kesalahan pelbagai. Bagi tujuan perbincangan ini, beberapa kesalahan berkaitan tatasusila atau moral serta beberapa kesalahan dari klasifikasi kesalahan pelbagai lebih signifikan untuk dianalisis bagi melihat aplikasi kaedah *Sadd al-dhara'i* dalam mencegah perbuatan persetubuhan luar nikah. Menurut Ahmad Azam Mohd Shariff (2014), jenayah moral dan kesusilaan sebenarnya mempunyai konotasi yang amat luas di sisi Undang-Undang Jenayah Syariah di negara ini kerana ia meliputi pelbagai kesalahan seperti persetubuhan luar nikah atau zina, perbuatan sumbang mahram, perbuatan melacurkan diri serta segala perlakuan lain yang mempunyai hubung kait secara langsung dengannya seperti persediaan melakukan persetubuhan luar nikah, khawat, dan berkelakuan tidak sopan di tempat awam. Sungguhpun Islam memerintahkan supaya menjauhi segala perbuatan yang boleh mendekatkan kepada perzinaan, namun bagi memenuhi fitrah kehidupan, Islam menganjurkan perkahwinan agar manusia dapat menjalani kehidupan yang lebih bermoral (Ashgar Ali Mohamed & Farheen Baig Sardar Baig 2014).

Lazimnya, hati nurani manusia dan dorongan-dorongan jiwa semata-mata tidak mampu mengawal manusia daripada terjerumus kepada kemaksiatan yang boleh menyebabkan kerosakan. Justeru, dalam kehidupan bermasyarakat, undang-undang diperlukan untuk mengawal tingkah laku dan aturan kehidupan bersosial agar ia sentiasa berada di landasan yang tepat selari dengan tuntutan memelihara maqasid syariah. Maka kajian ini menganalisis apakah peruntukan undang-undang yang boleh digunakan bagi mengekang persetubuhan luar nikah berdasarkan kaedah *sadd al-dhara'i* dalam mencegah kerosakan.

**ANALISIS APLIKASI SADD AL-DHARA'CI
BAGI MENGEKANG PERLAKUAN ZINA
DALAM PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA**

Mengaplikasikan kaedah analisis kritis, penelitian terhadap Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri di Malaysia mendapati terdapat beberapa peruntukan undang-undang berkaitan kesalahan yang boleh mendorong kepada perlakuan zina yang boleh digunakan. Sekiranya tiada pencegahan dari peringkat awal kesalahan, ia boleh mendorong perlakuan maksiat lain yang lebih besar dan memudharatkan. Oleh yang demikian, menurut Mohamad Hashim Kamali (1998), Islam mengharamkan perbuatan yang berpotensi menyumbang kepada perbuatan buruk yang lain seperti pengharaman khalwat kerana ia boleh mendorong kepada perbuatan zina walaupun pada hakikatnya perbuatan zina itu mungkin tidak berlaku. Peruntukan-peruntukan tersebut di bawah peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah negeri adalah seperti berikut:

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995

- Seksyen 22. Perbuatan sumbang mahram.
- Seksyen 23. Pelacuran.
- Seksyen 24. Muncikari.
- Seksyen 25. Persetubuhan luar nikah.
- Seksyen 26. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.
- Seksyen 29. Khalwat.
- Seksyen 31. Perbuatan tidak sopan di tempat awam.

Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997

- Seksyen 20. Perbuatan sumbang mahram.
- Seksyen 21. Pelacuran.
- Seksyen 22. Muncikari.
- Seksyen 23. Persetubuhan luar nikah.
- Seksyen 24. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.
- Seksyen 27. Khalwat.
- Seksyen 29. Perbuatan tidak sopan di tempat awam.
- Seksyen 35. Menggalakkan maksiat.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Sembilan 2004

- Seksyen 60. Persetubuhan haram.
- Seksyen 61. Percubaan persetubuhan haram.
- Seksyen 67. Perbuatan tidak sopan.
- Seksyen 69. Melacurkan diri.
- Seksyen 70. Muncikari.
- Seksyen 72. Melacurkan isteri atau anak.

Enakmen Kesalahan Syariah (Negeri Melaka) 1991

- Seksyen 52. Percubaan persetubuhan haram.
- Seksyen 53. Bersekediaman.
- Seksyen 55. Bersubahat melakukan kesalahan persetubuhan haram.
- Seksyen 71. Perbuatan tidak sopan.
- Seksyen 74. Melacurkan isteri dan anak.
- Seksyen 75. Melacurkan diri.
- Seksyen 77. Muncikari.

Enakmen Kanun Jenayah Shariah Negeri Kelantan 1985

- Seksyen 5. Perbualan tidak sopan.
- Seksyen 6. Perkataan tidak sopan.
- Seksyen 9. Khalwat.
- Seksyen 10. Berkelakuan sumbang.
- Seksyen 11. Zina.
- Seksyen 12. Mukadimah zina.
- Seksyen 18. Melacurkan isteri atau anak.
- Seksyen 19. Melacurkan diri.
- Seksyen 20. Melarikan perempuan.
- Seksyen 22. Menjadi muncikari.
- Seksyen 23. Galakan maksiat.

Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) (Terengganu) 2001

- Seksyen 25. Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan diri.
- Seksyen 26. Perbuatan sebagai persediaan untuk melacurkan isteri atau kanak-kanak dalam peliharaannya.
- Seksyen 27. Melacurkan isteri atau anak.
- Seksyen 28. Muncikari.
- Seksyen 29. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.
- Seksyen 31. Khalwat.
- Seksyen 34. Perbuatan tidak sopan di tempat awam.

- Seksyen 35. Mendedahkan tubuh di tempat awam.
- Seksyen 36. Mewatie.
- Seksyen 42. Menggalakkan maksiat.
- Seksyen 48. Anak dara lari daripada jagaan.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud Dan Qisas) Terengganu 1423h/2002m**
- Seksyen 12. Zina.
 - Seksyen 13. Hukuman Zina.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996**
- Seksyen 20. Perbuatan sumbang mahram.
 - Seksyen 21. Pelacuran.
 - Seksyen 22. Muncikari.
 - Seksyen 23. Persetubuhan luar nikah.
 - Seksyen 24. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.
 - Seksyen 27. Khalwat.
 - Seksyen 29. Perbuatan tidak sopan di tempat awam
 - Seksyen 35. Menggalakkan maksiat.
 - Seksyen 39. Memujuk lari orang perempuan.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Kedah Darul Aman) 2014**
- Seksyen 18. Perbuatan sumbang mahram
 - Seksyen 19. Pelacuran
 - Seksyen 20. Munsyikari
 - Seksyen 21. Persetubuhan luar nikah
 - Seksyen 22. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah
 - Seksyen 25. Khalwat
 - Seksyen 27. Pebuatan tidak sopan di tempat awam
- Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 - Perlis**
- Seksyen 5. Perbuatan tidak sopan.
 - Seksyen 6. Perkataan tidak sopan.
 - Seksyen 9. Khalwat.
 - Seksyen 10. Berkelakuan sumbang.
 - Seksyen 11. Muqaddimah zina.
 - Seksyen 12. Bersubahat melakukan kesalahan muqaddimah zina.
 - Seksyen 17. Melacur isteri atau anak.
 - Seksyen 18. Melacurkan diri.
 - Seksyen 19. Melarikan perempuan.
 - Seksyen 21. Menjadi munsyikari.
 - Seksyen 22. Galakan maksiat.
- Enakmen Jenayah (Syariah) 1992 – Perak**
- Seksyen 45. Perhubungan muabbad dan ghairu muabbad.
 - Seksyen 46. Melacurkan diri.
 - Seksyen 47. Melacurkan isteri atau anak.
 - Seksyen 48. Persetubuhan haram.
 - Seksyen 49. Percubaan persetubuhan haram.
 - Seksyen 51. Bersekedudukan.
 - Seksyen 54. Khalwat.
 - Seksyen 56. Mendedahkan tubuh, di tempat awam.
 - Seksyen 57. Perbuatan tak sopan.
 - Seksyen 29. Menggalak maksiat.
 - Seksyen 32. Melarikan perempuan.
 - Seksyen 34. Anak dara lari daripada jagaan.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1997 – Johor**
- Seksyen 20. Perbuatan sumbang mahram.
 - Seksyen 21. Pelacuran.
 - Seksyen 22. Muncikari.
 - Seksyen 23. Persetubuhan luar nikah.
 - Seksyen 24. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.
 - Seksyen 27. Khalwat.
 - Seksyen 29. Perbuatan tidak sopan di tempat awam.
 - Seksyen 35. Menggalakkan maksiat.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Pahang) 2013**
- Seksyen 28. Muncikari
 - Seksyen 29. Persetubuhan luar nikah
 - Seksyen 30. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah
 - Seksyen 32. Khalwat
 - Seksyen 35. Perbuatan atau percakapan tidak sopan di tempat awam
 - Seksyen 42. Menggalakkan maksiat
 - Seksyen 47. Melarikan perempuan
 - Seksyen 48. Perempuan yang belum berkahwin lari dari dalam jagaan
 - Seksyen 53. Berpakaian tidak sopan di tempat awam
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995 – Sabah**
- Seksyen 70. Muncikari.
 - Seksyen 71. Melacurkan isteri dan anak.
 - Seksyen 72. Melacurkan diri.
 - Seksyen 73. Bersekedudukan suami isteri berlainan agama.
 - Seksyen 78. Perbuatan sumbang.

- Seksyen 80. Persetubuhan haram.
- Seksyen 81. Taqarrub zina.
- Seksyen 83. Perbuatan tidak sopan di khalayak ramai.
- Seksyen 84. Khalwat.
- Seksyen 88. Anak dara lari dari jagaan.
- Seksyen 89. Menggalakkan maksiat.

Ordinan Kesalahan Jenayah Syariah 2001

- Seksyen 17. Perbuatan sumbang mahram.
- Seksyen 18. Pelacuran.
- Seksyen 19. Muncikari.
- Seksyen 20. Persetubuhan luar nikah.
- Seksyen 21. Perbuatan sebagai persediaan untuk melakukan persetubuhan luar nikah.
- Seksyen 24. Khalwat.
- Seksyen 26. Perbuatan tidak sopan di tempat awam.
- Seksyen 32. Menggalakkan maksiat.
- Seksyen 36. Memujuk lari perempuan.

Melihat kepada peruntukan di atas, jelas, Peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah sedia ada mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk dikuatkuasakan kerana implikasi perbuatan tersebut boleh mendedahkan seseorang kepada perlakuan persetubuhan. Undang-undang yang ditetapkan berdasarkan kaedah *sadd al-dhara'i* sebenarnya mengambil kira kesan dan implikasi sesuatu perbuatan apabila ia telah dilakukan. Ia bukan sekadar melihat kepada niat dan tujuan perlakuan semata-mata. Oleh itu, mana-mana perbuatan yang boleh mendorong kepada kerosakan adalah dilarang sebagaimana diaplikasikan dalam peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah dan menurut Ahmad Dahlan et al. (2019), prinsip *sadd al-dhara'i* selari dengan tututan Islam dalam al-Quran dan sunnah.

Perbuatan sumbang mahram, persediaan melakukan persetubuhan haram khalwat dan berkelakuan tidak sopan di tempat awam adalah perlakuan yang paling hampir dan boleh mendorong kepada perzinaan. Dalam Enakmen Jenayah Syariah Perak, ia dirujuk sebagai perhubungan *muabbad* dan *ghairu muabbad*. Sekiranya perbuatan tersebut tidak dicegah, ia boleh mendekatkan pelaku-pelakunya kepada perzinaan atau melakukan persetubuhan luar nikah. Berbeza dengan perbuatan melakukan persediaan persetubuhan haram, khalwat dan sumbang mahram yang agak jelas pengertiannya, berkelakuan tidak sopan di tempat awam memerlukan penjelasan lanjut dan ia tidak

ditafsirkan dalam Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri.

Dalam hal ini, Selangor mengambil pendekatan untuk memperincikan maksud berkelakuan tidak sopan dalam Arahan Tetap S.S Pengarah JAIS 2015 di mana ia mentafsirkan perbuatan tidak sopan di tempat awam sebagai termasuk beberapa perbuatan seperti duduk merangkul pasangan, berdepan atau membelaung di celah kangkang pasangan, berjalan merangkul pasangan, menyandar kepala di bahu atau dada pasangan dan mengusap atau menyelat rambut pasangan (Arahan Tetap Pengarah 2015).

Sementara itu, Arahan Amalan No. 8 Tahun 2005 memberi tafsiran berkelakuan tidak sopan seperti berikut:

"bertindak atau berkelakuan tidak sopan" di bawah Seksyen 29 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 atau dalam mana-mana Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah negeri-negeri merujuk kepada apa-apa perbuatan yang dilakukan oleh mana-mana orang di mana-mana tempat awam termasuklah bercumbu-cumbuan, berpeluk-pelukan, pertuturan atau isyarat lucu atau berpakaian yang menghairahkan; atau (iv) lain-lain perbuatan yang tidak sopan yang bertentangan dengan Hukum Syarak.

Seksyen 2 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Selangor mendefinisikan sumbang mahram sebagai persetubuhan antara lelaki dengan perempuan yang mengikut hukum Syara', dilarang mengahwini satu sama lain. Sementara itu, pengkaji turut melihat perlakuan muncikari, melacurkan diri atau melacurkan anak atau isteri sebagai perbuatan yang boleh mendorong kepada perzinaan. Seksyen 2, enakmen yang sama mendefinisikan muncikari sebagai seseorang yang bertindak sebagai orang tengah antara seorang perempuan dengan seorang lelaki bagi apa-apa tujuan yang menyalahi hukum Syara'. Dalam hal ini, perbuatan sebagai muncikari dilihat sebagai pemudah cara yang membuka peluang dan jalan kepada satu hubungan yang menyalahi syarak termasuk persetubuhan luar nikah jika berlaku. Begitu juga dengan perbuatan melacurkan diri, isteri atau anak. Perbuatan ini telah membuka laluan kepada perzinaan atau persetubuhan luar nikah jika tidak dicegah.

Selain itu, pengkaji turut melihat perbuatan menggalakkan maksiat sebagai satu cara yang mendekatkan atau mendorong kepada persetubuhan luar nikah sekiranya perbuatan menggalakkan maksiat tersebut melibatkan percampuran lelaki dan wanita tanpa batasan serta mendedahkan aurat atau berpakaian menjolok mata yang boleh menimbulkan keghairahan. Walau bagaimanapun,

penguatkuasaan terhadap peruntukan ini agak sukar dilaksanakan kerana menggalakkan maksiat tidak ditafsirkan dalam peruntukan undang-undang untuk menunjukkan setakat mana maksud pemakaian peruntukan tersebut. Maksiat mempunyai pengertian yang sangat luas. Dalam erti kata lain, maksiat bermaksud dosa atau pelanggaran suruhan agama. Justeru, nasihat dan inspirasi sahaja tidak mencukupi. Dosa (*religiously-inspired offences*) mesti dikanunkan untuk menjadikannya sesuatu kesalahan di sisi undang-undang dan mesti diberikan definisi yang jelas (Zubaidah 2018).

Memujuk lari perempuan dan anak dara lari dari jagaan turut dilihat sebagai mempunyai signifikan kepada penulisan ini kerana perempuan yang dilarikan oleh seseorang lelaki terdedah atau berisiko kepada perbuatan maksiat yang lebih besar sekiranya tidak dicegah. Menurut statistik Polis Diraja Malaysia (Sinar Harian 2019), sebanyak 15,042 kes kehilangan kanak-kanak dan remaja dilaporkan dari tahun 2011 hingga Mei 2019. Daripada jumlah tersebut, direkodkan jumlah kes lari kerana terpengaruh dengan ajakan rakan adalah sebanyak 3,160 kes dan jumlah kanak-kanak dan remaja yang lari kerana dipengaruhi oleh kekasih utuk lari adalah sebanyak 2,52 kes. Hal ini memberi satu gambaran bahawa kes kanak-kanak dan remaja lari dari rumah tidak boleh dipandang enteng dan perlu dicegah. Bersetuju dengan pandangan Azzyati Mohd Nazim et al. (2013), menangani masalah berkaitan akhlak dalam masyarakat pada hari ini merupakan satu usaha yang sangat mencabar. Oleh itu, usaha pencegahan perlu dilakukan secara bersama. Selain penguatkuasaan di bawah undang-undang Sivil, peruntukan jenayah syariah berhubung anak dara lari dari jagaan dan memujuk lari perempuan boleh dimanfaatkan sebaik mungkin bagi memberi amaran kepada masyarakat agar tidak melakukan perbuatan tersebut sewenang-wenangnya kerana ia merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang.

Walaupun peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah sedia ada mempunyai banyak peruntukan yang boleh dimanfaatkan, namun hasil temubual bersama beberapa orang penguatkuasa dan pelaksana undang-undang mendapati, penguatkuasaan hanya tertumpu kepada beberapa peruntukan lazim sahaja. Di Selangor, menurut Abd Shukor Abd Hamid (2016), pihak penguatkuasa mengambil pendekatan menjalankan operasi mencegah maksiat di bawah kesalahan khalwat kerana kesalahan tersebut dipercayai menjadi punca kepada perlakuan lain

yang lebih serius. Selain itu, Y.A.A. Dato' Dr. Hj Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar (2016) memaklumkan penguatkuasaan juga turut memberi perhatian kepada peruntukan kesalahan lain seperti perbuatan persediaan untuk melakukan persetubuhan, dan perbuatan tidak sopan di tempat awam kerana perbuatan-perbuatan ini boleh membawa kepada kemungkinan lahirnya anak tidak sah taraf. Selain peruntukan kesalahan sumbang mahram yang tidak banyak aduan diterima berhubung perlakuan tersebut bagi membolehkan penguatkuasaan dan siasatan dilakukan. Menurut Shahrum Maarof (2016), sekiranya pernah menerima aduan berkaitan sumbang mahram, kebanyakan kes diserahkan untuk siasatan di bawah Kanun Keseksian kerana hukuman yang diperuntukkan adalah lebih tinggi dan sesuai bagi kesalahan serius tersebut.

Berdasarkan kaedah *sadd al-dhara'i*, melakukan perbuatan tidak sopan di tempat awam juga perlu dicegah kerana ia berpotensi mendorong kepada perlakuan maksiat yang lebih besar. Sebagai usaha mencegah perlakuan tersebut, tiga kaedah pencegahan mengikut jenis perlakuan telah dilakukan. Bagi kesalahan yang tidak serius seperti berpegangan tangan, mereka akan diarahkan beredar, tetapi jika perlakuan tersebut lebih berat, mereka akan diarahkan hadir sesi kaunseling. Walau bagaimanapun, bagi kesalahan yang serius seperti berpeluk-pelukan, mereka akan dituduh di mahkamah bagi kesalahan berkelakuan tidak sopan di tempat awam (Shahrum 2016).

Antara langkah pencegahan maksiat yang dilakukan di Kedah bagi mengekang persetubuhan haram adalah mencegah perbuatan tidak sopan di tempat awam dan khalwat. Sheikh Roshidi Mahmud (2016) menjelaskan, kedua-dua peruntukan kesalahan tersebut merupakan kesalahan lazim yang dikuatkuasakan. Bagi peruntukan kesalahan *muqaddimah* zina pula, ia jarang dikuatkuasakan kerana kebanyakannya kes disiasat di bawah peruntukan berkelakuan kurang sopan.

Begitu juga di Negeri Johor, kebanyakannya yang diambil tindakan adalah berkaitan khalwat, persediaan melakukan persetubuhan luar nikah, perbuatan tidak sopan di tempat awam dan persetubuhan luar nikah. Bagi kes sumbang mahram, penguatkuasa agama masih belum mempunyai kes dan sekiranya terdapat aduan bagi kesalahan tersebut, ia diserahkan kepada pihak polis untuk siasatan di bawah undang-undang sivil yang menyediakan hukuman yang lebih berat (Aminuddin Baki Bin Mahmud, 2016).

Melihat senario di Terengganu pula, penguatkuasaan yang dilakukan banyak tertumpu kepada kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 34 (perbuatan tidak sopan di tempat awam), 31 (khalwat), 29 (perbuatan sebagai pesediaan melakukan persetubuhan luar nikah), dan seksyen 24 (sumbang mahram) (Nik Zulhaiza 2016). Antara sebab mengapa penguatkuasaan dilihat tertumpu kepada beberapa kesalahan tertentu sahaja adalah kerana dalam sesetengah kesalahan seperti berdua-duaan antara lelaki dan perempuan, beberapa pilihan pertuduhan boleh dilakukan sebelum kesalahan tersebut dipertuduhkan. Walau bagaimanapun, pertuduhan cenderung dilakukan di bawah kesalahan-kesalahan yang popular dilakukan seperti persediaan melakukan persetubuhan luar nikah dan khalwat. Menurut Wan Mohd Zakri Wan Mohd (2016), terdapat juga kes-kes di bawah kesalahan berkelakuan tidak sopan di tempat awam dan mendedahkan tubuh di tempat awam, namun dalam kuantiti yang kecil.

Sama seperti di negeri-negeri lain, Abidin Ali bin Hassan (2016) memaklumkan, penguatkuasaan peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah di Sabah turut tertumpu kepada kesalahan persetubuhan haram .

Berdasarkan data dan maklumat yang diberikan, kajian ini mendapati walaupun terdapat banyak peruntukan yang dikenal pasti boleh dimanfaatkan sebagai usaha mengekang persetubuhan haram berdasarkan kaedah *sadd al-dhara'i*, namun penguatkuasaan Jenayah Syariah hanya tertumpu kepada beberapa peruntukan tertentu sahaja seperti khalwat, berkelakuan tidak sopan di tempat awam, melakukan persediaan untuk melakukan persetubuhan haram dan melakukan persetubuhan haram. Kesemua perbuatan khalwat, berpakaian menjolok mata, pergaulan bebas, berzina dan sebagainya adalah kesalahan yang menyalahi akhlak atau moral dan perlu dicegah oleh setiap individu, masyarakat dan negara. Ini kerana sekiranya perbuatan tidak bermoral ini tidak ditangani dengan cara yang sewajarnya pada peringkat awal lagi, ianya bukan hanya akan membinaaskan pelakunya sahaja bahkan akan mengancam ketenteraman masyarakat dan menyebabkan pelbagai masalah sosial yang akhirnya boleh meruntuhkan kesejahteraan negara (Nasimah Husin et.al. 2007). Namun bagi mengupas secara lebih terperinci tentang apakah kekangan atau permasalahan yang menjadi halangan kepada penguatkuasaan yang lebih menyeluruh, ia memerlukan satu kajian lain yang lebih mendalam.

ANALISIS APLIKASI SADD AL-DHARA'I BAGI MENGEKANG PERLAKUAN ZINA DALAM PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI BRUNEI

Brunei Darussalam merupakan satu-satunya negara Islam yang menerapkan syariat Islam secara menyeluruh dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegaranya di peringkat Asia Tenggara. Perlaksanaan syariat Islam yang dilakukan oleh Sultan Hassanal Bolkiah dianggap sebagai pencapaian terbesar semata-mata bertujuan mentaati perintah Allah (Oktoberrinsyah 2017).

Di Brunei Darussalam, tiada timbul isu pengasingan antara ugama dan undang-undang. Tiada halangan dan batasan bagi meluluskan pelaksanaan sepenuhnya peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah kerana dalam artikel 3(4) menyatakan dengan jelas kuasa penuh yang diberikan kepada Sultan Brunei dalam membuat undang-undang Islam (Mohaimin 2018). Ini jelas dinyatakan dalam Perlembagaan Brunei yang menyebutkan;

(2) Ketua ugama rasmi bagi Negara Brunei Darussalam adalah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

(3) Majlis Ugama Islam adalah badan yang bertanggungjawab untuk menyembahkan nasihat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan mengenai semua perkara yang berhubung dengan Ugama Islam.

(4) Bagi maksud Perkara ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan boleh, setelah berunding dengan Majlis Ugama Islam, tetapi tidak semestinya mengikut nasihat Majlis itu, membuat undang-undang mengenai perkara-perkara yang berhubung dengan Ugama Islam.

Atas tanggungjawab dan amanah, perintah hukum jenayah Syariah digazetkan pada 22 Oktober 2013 sempena perasmian majlis ilmu 2013 dalam titah baginda:

Dengan izin Allah jua Akta Perintah ini, pada hari ini, 22 Oktober 2013 mula digazetkan dan akan mula berkuat kuasa enam bulan selepasnya secara berfasa.

Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013 adalah sebuah undang-undang yang berkaitan dengan tindak jenayah menurut syariah. Undang-undang ini ditetapkan sebagai usaha pencegahan terhadap kejahatan-kejahatan yang wujud dalam masyarakat. Di samping itu, Kanun ini juga dimaksudkan

untuk mendidik dan memulihkan penjenayah demi melindungi hak-hak dan kepentingan masyarakat umum serta memastikan keamanan dan kesejahteraan masyarakat tersebut (Oktoberrinsyah 2011).

Kewujudan undang-undang Jenayah Islam tercatat dalam Hukum Kanun Brunei sebagai fakta yang menunjukkan bahawa kerajaan kesultanan Brunei pada kurun ke 16 hingga 19 Masihi sudah memiliki sistem perundangan yang dipengaruhi undang-undang Islam. Perkembangan Islam di Brunei seiring dengan sistem perundangan tersendiri, terbukti melalui kandungan teks undang-undang yang terdapat dalam Hukum Kanun Brunei (Suhaimi 2012). Dalam kandungan Hukum Kanun Brunei mengandungi undang-undang adat, resam dan Syara. Undang-Undang Islam dilaksanakan dengan sepenuhnya berpandukan Hukum Kanun Brunei. Malah isi kandungannya menjadi teras perundangan Islam di negara ini (Hjh Saadaiah 2016).

Sejarah juga membuktikan bahawa sultan-sultan Brunei yang memerintah selepas itu menyokong sepenuhnya bahkan membangunkan pelaksanaan undang-undang Islam (Muhammad 2007) sebagai asas penghayatan dan pelaksanaan syiar Islam di Brunei. Mahkamah Syariah diletakkan di bawah pentadbiran Jabatan Perdana Menteri bermula pada tahun 2000 sementara bahagian Pendakwaan menjadi Bahagian Pendakwaan Syarie di Unit Perundangan Islam pada tahun 2002. Sementara Bahagian Penyiasatan kekal di bawah Jabatan Hal Ehwal Syariah dikenali dengan nama baru pada tahun yang sama kekal hingga sekarang sebagai Bahagian Penguatkuasan Agama (Suhaimi Gemok 2019).

Negara Brunei Darussalam telah pun mula melaksanakan sepenuhnya Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013, (SPCO) pada 3 April 2019. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menegaskan ini adalah tanggungjawab keugamaan kita di sisi Allah selaku sebuah negara Islam. Dalam titah perutusan Sempena Menyambut Bulan Ramadan Tahun 1440 Hijrah/2019 Masihi, Kebawah DYMM menegaskan undang-undang berkenaan adalah semata-mata bertujuan untuk memelihara Maqasid Syar'iah yang meliputi ugama, nyawa, keturunan, harta dan akal (Hajah Siti Muslihat 2019).

Langkah yang diambil oleh Kerajaan Brunei untuk melaksanakan hukum hudud adalah menjadi sebahagian daripada kebangkitan dan kesedaran tentang kewajipan dan tanggungjawab pemerintah untuk melaksanakannya (Muhammad Fathi & Ahmad Nazri 2014).

Di bawah Perintah Hukum Jenayah Syariah, 2013 peruntukan yang berkaitan dengan persetubuhan dan yang boleh membawa ke arah persetubuhan haram dalam bahagian IV ialah:

1. Kesalahan zina di bawah bab 68
2. percubaan zina- 71
3. subahat melakukan zina- 73
4. zina biljabar- 75
5. percubaan zina biljabar- 78
6. subahat zina biljabar-80
7. Hamil di luar nikah-94

Sementara di bawah kesalahan am peruntukan yang berkaitan secara tidak langsung ialah;

1. khalwat- 196
2. perbuatan tidak sopan-197
3. perempuan belum kahwin lari dari jagaan-203
4. melarikan perempuan Islam-202
5. Bertindak sebagai orang tengah bagi maksud bertentangan syarak-205

Di dalam peruntukan bab 52 subseksyen (2) jelas menyatakan kesalahan zina biljabar dan liwat adalah termasuk dalam maksud kesalahan zina yang boleh dikenakan hukuman hadd.

Statistik kes jenayah syariah yang dilaporkan pada tahun 2017 menurun berbanding 2016, daripada 259 kes kepada 148 kes, menunjukkan penurunan sebanyak 57 peratus pada 2017. Daripada jumlah kes jenayah syariah itu, 66 peratus kesalahan yang dilaporkan sekali gus mendominasi, adalah kesalahan khalwat di mana kesalahan ini melibatkan perbuatan mana-mana lelaki dan perempuan yang bukan muhrim dan bukan suami isteri berada dalam keadaan berdua-duaan secara berkurung, bersekedudukan, bersekediaman dan mengasingkan diri di tempat yang mendatangkan syak mereka berbuat maksiat. Perkara ini dikongsikan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat/Yang Amat Arif Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar pada Majlis Perhimpunan Tahunan Mahkamah-mahkamah Syariah 2018. Kesalahan khalwat itu boleh membawa kesalahan Jenayah Syariah yang lain seperti zina, hamil tanpa nikah, kelahiran anak-anak yang tidak sah taraf iaitu anak zina,

anak yang tidak diingini atau anak yang tidak dipertanggungjawabkan, anak yang dibuang atau ditinggalkan di mana-mana yang menjadi kesalahan di mahkamah civil (Salawati 2018).

Khalwat merupakan kesalahan lazim yang banyak direkodkan. Mengikut statistik dari Bahagian Penguat kuasa Agama, dicatatkan aduan bagi kesalahan khalwat di bawah Perintah Hukuman Kanun Jenayah Syariah, 2013 adalah menurun. Bermula dari tahun 2014 sebanyak 147 aduan diterima dan mula menurun pada tahun 2016 sebanyak 69 dan terkini ialah sebanyak 56 aduan sehingga september 2019.

Bagi kesalahan perbuatan tidak sopan, jumlah tertinggi ialah sebanyak 3 aduan di laporkan iaitu pada tahun 2015 dan 2018. Hanya 1 kes yang dilaporkan pada tahun ini. Sementara itu, bagi kes hamil luar nikah dicatatkan semakin menurun pada tahun ini iaitu sebanyak 18 kes meskipun pada tahun 2015 dan 2016 dilaporkan sebanyak 62 dan 61 kes.

Laporan yang dinyatakan di atas adalah merupakan aduan yang belum diputuskan di mahkamah kerana tidak semua kesalahan yang diadukan adalah sabit. Ia bergantung pada pembuktian bagi pendakwaan.

KESIMPULAN

Konsep *sadd al-dhara'i* merupakan langkah pengawalan dan kaedah pencegahan daripada berlakunya kerosakan (*mafsadah*). Oleh itu, kaedah ini perlu diserapkan dan diterima pakai dalam sesebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik agar sistem pentadbiran dan pemerintahan negara dapat dilaksanakan dengan lancar.

Sesuatu undang-undang seharusnya perlu mempunyai elemen mempromosi etika dan mengawal perlakuan tidak bermoral agar kewujudannya lebih dihormati masyarakat dan berperanan mengurangkan kadar jenayah (Zubaidah 2014). Kajian ini mendapati, pada umumnya, kedua-dua peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia dan Brunei mempunyai elemen yang diperlukan dalam mengawal perlakuan tidak bermoral masyarakat. Kaedah *sadd al-dhara'i* jelas diaplikasikan dalam mewujudkan peruntukan berkaitan kesalahan-kesalahan Jenayah Syariah. Sebagai contoh, dalam konteks pencegahan maksiat zina atau persetubuhan luar nikah, selain memperuntukkan kesalahan tersebut sebagai satu kesalahan, undang-undang jenayah syariah turut menjadikan perbuatan khalwat, berkelakuan tidak

sopan, melakukan persediaan untuk melakukan persetubuhan haram, muncikari dan beberapa perlakuan lain yang boleh mendorong kepada perzinaan sebagai satu kesalahan. Namun, bagi memberi impak yang lebih berkesan, ia memerlukan beberapa penambahbaikan selari dengan perkembangan dan keperluan semasa.

Dalam konteks peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia, kajian ini mencadangkan penyeragaman undang-undang Jenayah Syariah antara negeri dilakukan bagi mewujudkan keselarasan peruntukan kesalahan antara negeri. Beberapa peruntukan bermanfaat yang tidak wujud dalam sesetengah Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah negeri seperti kesalahan menggalakkan maksiat dan anak dara lari dari jagaan perlu diwujudkan. Hal ini penting agar penguatkuasaan undang-undang dapat dilakukan secara menyeluruh dan lebih efisyen.

Bagi tujuan penambahbaikan terhadap peruntukan undang-undang sedia ada, kajian ini mencadangkan agar peruntukan kesalahan yang sangat umum seperti menggalakkan maksiat diperincikan maksud kesalahan tersebut kepada skop yang lebih khusus agar penguatkuasaan terhadap peruntukan tersebut lebih mudah dilaksanakan. Bagi peruntukan kesalahan jenayah syariah yang jarang dikuatkuasakan kerana hukuman yang diperuntukkan lebih rendah berbanding peruntukan hukuman di bawah Undang-undang Sivil seperti kesumbang mahram, kajian mencadangkan agar status dan kesesuaian peruntukan tersebut dalam Undang-undang Jenayah Syariah disemak semula kerana kewujudan peruntukan tersebut tanpa keupayaan dan kesediaan untuk dikuatkuasakan boleh menjelaskan reputasi perundangan Jenayah Syariah itu sendiri.

Sementara itu, dalam konteks peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah di Brunei, kebanyakan aduan yang telah dilaporkan tidak dapat dipanjangkan ke tahap pendakwaan disebabkan pelbagai isu seperti maklumat yang tidak cukup, kekurangan bahan bukti bagi mengaitkan suspek, tiada elemen tertentu serta tiada bidang kuasa pendakwa atau mahkamah syariah mengendalikan kes berkenaan. Halangan ini timbul kerana tiada garis panduan yang *standard* bagi penguatkuasaan dan pendakwaan. Kesempurnaan penyediaan fail kes hendaklah mempunyai maklumat yang ada serta bukti yang kukuh bagi meneruskan pendakwaan. Sebagai contoh, bagi kes sumbang mahram, tiada peruntukan khusus bagi kesalahan sumbang mahram sama ada di bawah Akta Majlis

Agama Islam dan Mahkamah-Mahkamah kadi, Penggal 77 dan Perintah Hukum Kanun Jenayah Syariah, 2013. Mana-mana kes sumbang mahram yang berlaku sebelum penguatkuasaan PHKJS, 2013 adalah dikenakan di bawah akta 178 (3) iaitu Persetubuhan tertegah Nikah jika perbuatan tersebut dilakukan secara sukarela. Kesalahan ini tidak dapat disabitkan di bawah kesalahan zina atau zina *biljabar* memandangkan belum berlangsung penguatkuasaan PHKJS, 2013.

Oleh yang demikian, beberapa aspek seperti pengawalan, pentadbiran dan pendakwaan, adalah merupakan akar umbi penguatkuasaan undang-undang jenayah Islam, yang perlu diberikan perhatian untuk membuat beberapa pelan tindakan serta memastikan ianya sentiasa berjalan dengan lancar dan berkesan.

Peruntukan kesalahan di bawah Akta Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, 2013 didapati mencukupi bagi mencegah kesalahan khalwat, percubaan persetubuhan haram, dan sebagainya. Tambahan lagi dalam peruntukan telah memperuntukkan kesalahan baru yang tidak pernah di sebutkan sebelum ini iaitu dalam Akta Majlis Agama Islam dan Mahkamah-Mahkamah kadi Penggal 77 seperti musahaqah, lelaki berlagak menyerupai perempuan dan sebaliknya walaupun ia tidak menyumbang secara langsung kepada perzinaan. Meskipun demikian, dicadangkan agar ditambah sub seksyen bagi kesalahan-kesalahan khusus agar lebih jelas dan memudahkan pihak penguat kuasa membawa kes ini untuk pendakwaan seperti dalam kes sumbang mahram.

Kesimpulannya, pengekangan masalah persetubuhan luar nikah yang semakin membimbangkan boleh dilakukan melalui pelaksanaan undang-undang jenayah syariah yang berkesan. Walau bagaimanapun, peruntukan Undang-undang Jenayah Syariah sedia perlu sentiasa disemak dan dikemaskini agar segala apa-apa medium baharu yang boleh mendorong kepada perlakuan zina atau persetubuhan luar nikah dapat dikekang melalui peruntukan undang-undang yang diwujudkan. Walau bagaimanapun, kewujudan peruntukan undang-undang yang lengkap perlulah dikuatkuasakan melalui penguatkuasaan yang mantap bagi mencapai objektif perundangan tersebut.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah satu daripada hasil penyelidikan bagi Geran Universiti Penyelidikan (GUP) di bawah projek bertajuk ‘Memperkasakan Prosedur dan kapasiti dalam Sistem Keadilan: Kajian ke atas Siasatan Jenayah di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) yang bernombor UKM-GUP-2011-338.

RUJUKAN

- Abdul Shukor Bin Abd Hamid. 2016. Pengekangan Masalah Kelahiran Anak Tidak Sah Taraf di Malaysia Melalui Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syariah. Temu bual, 9 Jun.
- Abidin Ali Hassan. 2016. Pengekangan Masalah Kelahiran Anak Tidak Sah Taraf di Malaysia Melalui Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syariah. Temu Bual, 15 Disember.
- Ahmad Dahlan Salleh, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Nurul Ilyana Muhd Adnan, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani & Ezad Azraai Jamsari. 2019. Theory and application of sadd al-dhara'i' (blocking the means) in Shafi'iyya school. *International Journal of Academic Research in Business and Social Science* 9(1).
- Ahmad Azam Mohd Shariff. 2014. Jenayah moral dan kesusailaan di bawah Undang-undang Jenayah Syariah Malaysia: Pembuktian kes melalui qarinah rakaman foto dan video digital 1 *LNS(A)* xvi.
- al-Qarraqi (t.t.), op.cit., j. 3, h. 266; Muhammad Abu Zahrah, 1996. *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi.
- al-Qarafi, Ahmad bin Idris. 1997. *al-Furuq*. Juz. 2. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Aminuddin Baki bin Mahmud. 2016. Pengekangan Masalah Kelahiran Anak Tidak Sah Taraf di Malaysia Melalui Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syariah. Temu Bual, 16 Jun.
- Arahan Tetap S.S Ketua Pengarah JAIS 2015.
- Ashgar Ali Ali Mohamed & Farheen Baig Sardar Baig, 2014. ‘Offences relating to decency under Islamic law and its practice in Malaysia’ 1 *SHR* ccxlv.
- Azzyati Mohd Nazim, Fariza Md. Sham & Salasiah Hanin Hamjah. 2013. Ciri-ciri remaja berisiko: Kajian literature. *Islamiat* 35(1): 111-119.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Sabah) 1995
- Hajah Saadiah, Hj Tamit. 2015. *Hukum Kanun Brunei Teras Perundangan Islam di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan Awal Brunei*. Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam.

- Hajah Siti Muslihat, Haji Salleh. 2019. *Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013(SPCO) Dilaksanakan Sepenuhnya.* <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202018/NewDisplayForm.aspx?ID=20688>. Akses pada 18 Oktober 2019.
- <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/06/578922/kes-pembuangan-bayi-serius-tpm>
- <https://www.sinarharian.com.my/article/35588/BERITA/Nasional/976-peratus-kes-hilang-kanak-kanak-remaja-ditemui-semula>
- Ibrahim Ibn Musa al-Syatibi (t.t). *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah*. Juz. 4, Muhammad 'Abd Allah Darraz dan 'Abd al-Salam Syafi Muhammad (ed). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm. 144.
- Jad al-Haq, Ali Jad al-Haq. 1991. *Al-Fiqh al-Islami Nasyatuhu wa Tatawaruhu*. Kaherah, dar al-Syabab.
- Jasri Jamal. 2014. Pentadbiran Undang-Undang Jenayah Islam di Malaysia. 1 *SHR* cxxxvii.
- Khairul Hamimah Mohd Jodi & Nurul Husna Mansor. 2019. Kesediaan remaja hamil luar nikah terhadap program kerohanian di pusat perlindungan wanita. *Islamiyyat* 41(1): 59-68.
- Mohaimin, Noordin Ayus. 2018. *Shariah Penal Code Order, 2013 of Negara Brunei Darussalam: Its Implementation and Challenges*. International Conference of Asean Perspective and Policy. (ICAP), [S.I.], v. 1, n. 1, p. 199-213, oct. 2018. Available at: <http://jurnal.pancabudi.ac.id/index.php/ICAP/article/view/293>. Akses pada 20 Oktober 2019.
- Mohamad Hashim Kamali. 1989. *Principles of Islamic Jurisprudence*. Second Revised Editon. Kuala Lumpur: Ilmiah Publishers Sdn Bhd.
- Mohd Al Adib Samuri. 2012. Teori pencegahan sebagai justifikasi hukuman: Analisis perbandingan antara perundangan sivil dan Islam. *Islamiyyat* 34: 131-143.
- Muhammad Fathi, Yusof & Ahmad Nazri, Mansur. 2014. *Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Islam di Kelantan dan Brunei. Dlm Pelaksanaan Kanun Jenayah Syarioah: Teori & Realiti*. Disunting oleh Azhar, Yahya. Kuzim Publication.
- Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi. 1935. *al-Jami' li Ahkam alQur'an*, juz. 2. Kaherah: al-Hay'ah al-Misriyyah al-'Ammah li alKitab.
- Nasih 'Ulwan, Abd Allah. 1976. *Tarbiyat al-Awlad fi al-Islam*. Jeddah: Dar al-Salam. Juz. 1.
- Nasimah Hussin et al. 2007. *Undang-undang Islam Jenayah, Keterangan dan Prosedur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Zulhaiza bin Ismail. 2016. Pengekangan Masalah Kelahiran Anak Tidak Sah Taraf di Malaysia Melalui Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syariah. Temu Bual, 23 Mei 2016.
- Ocktoberrinsyah. 2011. *Hukuman Mati dalam Islam dan Relevansinya dengan Hukum Pidana Indonesia*. Disertasi program Sarjan UIN Sunan Kalijag Yogyakarta.
- Ocktoberrinsyah. 2017. Kanun Jenayah Syariah Brunei Darussalam 2013 dan Relvansinya dengan Delik Agama dalam RUU KUHP Indonesia. *Asy-Sir'ah. Jurnal Ilmu Syariah dan Hukum* 51(1).
- Pengiran Dr Hj Mohammad, Pg Hj Abd Rahman. 2007. *Islam di Brunei Darussalam pada Zaman British (1774-1984)*. Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Priscilla Ndidi Asonye. 2014. *Experiences and Perceptions of Pregnant unmarried Adolescents in Nigeria*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah(Phd) Walden University, Nigeria.
- Salawati, Haji Yahya. 2018. *Statistik Kes Jenayah Syariah Menurun. Media Permata Online*. <https://mediapermata.com.bn/statistik-kes-jenayah-syariah-menurun/>. Akses pada 18 Oktober 2019.
- Shahrum bin Maarof, Pegawai Penguatkuasa Agama, Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Bahagian Penguatkuasaan, Bangunan Sultan Idris Shah, Tingkat 1 Menara Selatan, No 2 Persiaran Masjid, 40676 Shah Alam, Selangor, 21 Jun 2016.
- Shamrahyu A. Aziz. 2016. *Isu Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shveta Kalyanwala, A. J. Francis Xavier Shireen Jejeebhoy & Rajesh Kumar. (2010). *Abortion Experiences of Unmarried Young Women In India: Evidence from a Facility-Based Study In Bihar and Jharkhand*. International Perspectives on Sexual and Reproductive Health 36, no 2, (June 2010).
- Siti Zubaidah Ismail. 2014. Hudud dan Undang-undang Jenayah Syariah dalam kerangka Perlumbaan dan sistem perundangan "dualisme": Komitmen pelaksanaan ke arah membendung jenayah di Malaysia' Jil. 22, Bil. 2, *Jurnal Syariah*: 1-9.
- Siti Zubaidah Ismail. 2018. Penguatkuasaan vs. dosa peribadi. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie Seluruh Malaysia bertempat di Hotel Copthorne, Pulau Pinang pada 17-18 Okt.
- Suhaimi Hj Gemok. 2010. *Penguatkuasaan Kesalahan Jenayah Syariah Islam di Brunei Darussalam*. http://studentsrepo.um.edu.my/5292/2/2-bab_1-5.pdf. Akses pada 18 Oktober 2019.
- Syed Salim bin Syed Shamsuddin & Hasnizam bin Hashim. 2017. Konsep pengawasan moral dan hak asasi manusia: Tinjauan mengikut perundangan syariah *Malaysian Journal of Syariah & Law* 6: 115-137.
- Sheikh Roshidi Haji Mahmud, Pegawai Penguatkuasa Agama, Jabatan Hal Ehwal Islam Negeri Kedah, Bangunan Wan Mat Saman, Jalan Raja, 05676, Alor Setar, Kedah, 13 Jun 2016.
- Y.A.A. Dato' Dr. Hj Mohd Na'im bin Hj. Mokhtar. 2016. Pengekangan Masalah Kelahiran Anak Tidak Sah Taraf di Malaysia Melalui Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syariah. Temu Bual, 30 Jun.

Y.A.A. Wan Mohd Zakri Bin Wan Mohd. 2018.
 Pengekangan Masalah Kelahiran Anak Tidak Sah Taraf di Malaysia Melalui Pelaksanaan Undang-Undang Jenayah Syariah. Temu Bual, 19 Jun 2018.

PENGARANG

Azizah Mat Rashid
 Jabatan Undang-undang
 Fakulti Syariah dan Undang-undang
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
 Bandar Seri Putra
 43000 Kajang
 Selangor
 azizahrashid@kuis.edu.my

Nor Adha Abd. Hamid (Corresponding author)
 Jabatan Undang-undang
 Fakulti Syariah dan Undang-undang
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
 Bandar Seri Putra
 43000 Kajang
 Selangor
 noradha@kuis.edu.my

Adibah Bahori
 Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)
 Universiti Teknologi Mara (UiTM)
 Cawangan Negeri Sembilan
 Kampus Rembau
 adibahbahori@uitm.edu.my

Prof Madya Dr. Ahmad Azam Mohd Shariff
 Fakulti Undang-undang
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 UKM Bangi
 Selangor
 aazam@ukm.edu.my

Masnooraini Mohiddin
 Faculty of Shariah and Law Office
 Universiti Islam Sultan Sharif Ali Spg 347,
 Jalan Pasar Baharu Gadong,
 Negara Brunei Darussalam. BE 1310
 masnooraini.mohiddin@unissa.edu.bn